

Jawatankuasa pulih mangsa banjir

- Sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengurus dan membantu mangsa-mangsa banjir bagi memulihkan kehidupan selepas bencana berakhir.

- Jawatankuasa itu akan mendaftarkan mereka sebelum meneliti bentuk bantuan untuk diberikan kepada mereka.

- Semua mangsa didaftarkan dalam satu rekod melibatkan ahli keluarga

bermula sekarang di setiap kampung bagi mengetahui siapa terlibat, jumlah keluarga dan tempat mangsa.

- Jawatankuasa akan meneliti bentuk bantuan supaya mereka dapat membina semula kehidupan selepas rumah ditenggelami air, kebun musnah, padi hanyut dan binatang-binatang ternakan mati lemas.

- Mereka yang layak akan dibantu dari segi pemulihan tanaman dan yang berkaitan ternakan untuk menjana pendapatan selain kebajikan.

‘ Sekiranya terdapat 40,000 keluarga terlibat, pendaftaran melibatkan keseluruhan ahli keluarga dalam satu rekod. Pendaftaran bermula sekarang di setiap kampung untuk tahu siapa terlibat, jumlah keluarga, di mana mangsa tinggal

- TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN
Timbalan Perdana Menteri

Bantu pulihkan semula kehidupan mereka selepas bencana

Jawatankuasa khas urus mangsa banjir

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI
dan SHARIZA ABDULLAH
utusanakedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 7 Nov. – Kerajaan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengurus dan membantu mangsa-mangsa banjir memulihkan semula kehidupan mereka selepas bencana itu berakhir.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jawatankuasa itu akan membuat pendaftaran mangsa-mangsa banjir sebelum meneliti bentuk bantuan untuk diberikan kepada mereka.

Kata beliau, di Kedah jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah dengan dibantu oleh Ahli Parlimen Alor Setar, Datuk Chor Chee Heung dan Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Mohd. Johari Baharum.

Menurutnya, mereka akan dibantu wakil-wakil daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mewakili Kerajaan Persekutuan untuk menentukan bentuk bantuan selepas banjir berakhir.

“Sekiranya terdapat 40,000 keluarga terlibat, pendaftaran perlu dibuat melibatkan keseluruhan ahli keluarga dalam satu rekod sahaja.

“Proses pendaftaran mestilah bermula dari sekarang di setiap kampung kerana kita hendak tahu siapa terlibat, berapa jumlah keluarga dan di mana mereka (mangsa) tinggal,” kata beliau selepas melawat pusat pemindahan banjir di Stadium Sultan Abdul Halim di Suka Menanti di sini hari ini.

Sebelum itu, Muhyiddin mendedar taklimat banjir yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha MKN Negeri Kedah, Mejar Harris Padzilah Mohamed dan langkah-langkah yang diambil termasuk memberi bantuan penduduk yang terlibat.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, pendaftaran tersebut penting untuk meneliti bentuk bantuan kepada mangsa-mangsa banjir supaya dapat membina semula kehidupan mereka selepas rumah mereka ditenggelami air, peralatan rumah rosak, kebun musnah, padi hanyut dan bi-



MUHYIDDIN Yassin bertanya sesuatu kepada mangsa banjir ketika melawat pusat pemindahan di Stadium Sultan Abdul Halim, Jalan Suka Menanti, Alor Setar, semalam.

natang-binatang ternakan mati lemas.

“Hal-hal begini kita kena rekodkan dan daftar ini akan disemak oleh jawatankuasa berkenaan satu persatu dan dibawa ke MKN sebelum saya mengemukakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk tentukan apa bentuk bantuan yang perlu disampaikan.

“Saya tidak kata semua berhak dapat (bantuan) tetapi mana yang layak kita akan bantu dari segi pemuliharaan tanaman dan yang berkaitan ternakan untuk menjana semula pendapatan mereka selain tumpuan kepada faktor lain seperti kebajikan,” tambah beliau.

Mengenai lawatan tersebut Muh-

yiddin memberitahu, beliau berpuas hati dengan operasi membantu mangsa-mangsa banjir walaupun pada peringkat awal terdapat sedikit masalah daripada aspek pengelolaan pengurusan banjir yang kini dapat diuruskan dengan sempurna.

“Pertama, saya ucapkan terima kasih kepada seluruh jentera yang mem-

beri bantuan dalam menghadapi banjir yang melanda Kedah dan Perlis.

“Dari segi logistik dan penggunaan aset kerajaan seperti lori, kenderaan berat, bot dan sebagainya telah pun kita laksanakan dengan baik termasuk mengangkut mangsa banjir dari rumah ke pusat-pusat pemindahan dan balik semula ke rumah mereka.

“Bantuan kebajikan pula seperti penyediaan makanan, minuman dan tempat bantuan pula kita bekalkan dengan lebih baik malah apabila saya tanya mangsa-mangsa banjir di pusat pemindahan di sini (Stadium Sultan Abdul Halim) mereka mengatakan makanan banyak dan mencukupi,” kata beliau.

Pemimpin BN disaran tinjau masalah rakyat

KUALA LUMPUR 7 Nov. – Tan Sri Muhyiddin Yassin menyarankan kepimpinan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya turun padang bagi melihat permasalahan rakyat dan menyelesaikan masalah dalaman parti masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah selari dengan komitmen Presiden UMNO yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan berkunjung ke setiap negeri bersama beliau untuk meninjau permasalahan yang sama.

Katanya, gerak kerja itu perlu dimulakan segera kerana masih wujud

masalah dalaman parti sehingga adakalanya terlalu banyak masa dihabiskan untuk memperbetulkan keadaan.

“Saya beri jaminan sebagai Timbalan Pengerusi BN bukan sahaja akan mendokong apa yang diusahakan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri tetapi akan berusaha bersama-sama supaya dalam tempoh beberapa bulan ke hadapan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13, kita sudah menyelesaikan banyak masalah.

“Dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Perdana Menteri

nyatakan beliau dan saya akan turun ke setiap negeri, jadi saya nak cadangkan semua parti komponen supaya turun melihat keadaan di bawah, mencari jalan menyelesaikan masalah dan ambil tindakan yang sesuai untuk membantu rakyat,” katanya.

Beliau yang mewakili Najib berkata demikian sewaktu berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2010 Parti Gerakan yang dihadiri 1,360 daripada 2,256 perwakilan di sini hari ini.

Hadir sama ialah Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; bekas

Presidennya, Tun Dr. Lim Keng Yaik, pemimpin tertinggi parti Gerakan dan pemimpin-pemimpin parti komponen BN.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Perdana Menteri turut menyeru seluruh kepimpinan parti komponen supaya pantas melakukan transformasi politik bagi menyalut Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang telah pun bermula.

Katanya, dengan cara itu rakyat akan melihat parti komponen BN sentiasa responsif dengan keperluan untuk berubah sebagaimana yang di-

lakukan kerajaan.

Beliau turut menjadikan parti Gerakan sebagai contoh transformasi sehingga parti yang dianggap sebagai tiada harapan selepas pilihan raya umum lalu masih hidup dan mempunyai masa depan jika dinilai daripada ucapan dasar Presidennya.

“Sebagai orang politik yang bekerja dalam parti, yang diambil kira walau kita kerja macam mana pun dengan kuat dan keras, yang menjadi ukuran ialah rakyat di bawah bila sampai lima tahun dia pangkah (undi) BN atau tidak,” katanya.

Beliau mengakui tidak mudah un-

tuk melakukan transformasi kerana kewujudan *warlords* dalam parti yang tidak mahu melepaskan tampuk kuasa di tempat masing-masing.

Sedangkan, kata beliau, ahli di bawah khususnya generasi muda berkata orang berkenaan sudah lama berada di situ dan mahukan pemimpin muka baru.

“Mereka juga nak lihat apa dasar kita, kita ini bercakap sahaja tak serupa ‘bikin’ atau kita turun membantu masalah mereka, sebab itu saya nak sebutkan di sini bahawa inisiatif yang kita sudah mulakan mesti ditingkatkan,” tegasnya.

Muhyiddin minta badan sukarela bantu bersih rumah penduduk dilanda banjir

ALOR SETAR 7 Nov. – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan sukarela diminta membantu mangsa-mangsa banjir di Kedah dan Perlis membersihkan rumah mereka daripada kekotoran yang disebabkan oleh bencana itu.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ini kerana mangsa-mangsa banjir menghadapi

kesukaran untuk membersihkan rumah masing-masing selepas banjir pulih.

“Saya tahu kerana saya ada pengalaman di kawasan saya di Johor, bantuan kerja-kerja sukarela itu perlu kerana apabila mereka (mangsa banjir) pulang ke rumah selepas banjir pulih, keadaan rumah mereka teruk dengan lumpur dan sampah

sarah dalam rumah, bagaimana mereka hendak bersihkan?”

“Jadi, selain bantuan kerajaan, saya menyeru badan sukarela dan pelbagai pihak untuk turun ke setiap kampung membantu membersihkan rumah mangsa-mangsa banjir dengan membuang lumpur dan sampah sarap, begitu juga di masjid-masjid, kuil dan tokong,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat mengenai banjir daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Kedah dan melawat mangsa banjir di Stadium Sultan Abdul Halim, Suka Menanti di sini hari ini.

Mengenai banjir Muhyiddin berkata, semua agensi berkaitan diarahkan dalam keadaan bersiap sedia

menghadapi kemungkinan banjir berulang berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi bahawa hujan akan turun dalam tempoh beberapa minggu ini berikutan fenomena La Nina.

Sehubungan itu kata beliau, kesemua aset dan logistik akan dikedalkan walaupun banjir pulih sebagai langkah berjaga-jaga.

Mengenai dakwaan bahawa Projek

Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) antara faktor banjir semakin buruk di Kedah, Muhyiddin berkata, ia tidak sebagaimana didakwa.

“Projek ini (PLBE) bukan satu sebab, banjir di selatan Thailand turun ke Perlis sampai ke sini dan kalau ia berlaku hanya di kawasan yang terdapat projek ini, ia mungkin boleh menjadi sebab.